

**MAHATHIR - BRITISH**

**(I)**

**EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 8.30 MALAM INI.**

-----

1984

**KUALA LUMPUR, 1a SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYATAKAN KESALNYA TERHADAP PERUBAHAN YANG AMAT KECIL DALAM PASARAN BRITISH UNTUK MALAYSIA BAGI BEBERAPA TAHUN MENYEBABKAN IMBANGAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUABUAH NEGARA SENTIASA MENGUNTUNGGAN BRITISH.**

**PERDANA MENTERI MENEKANKAN BAHAWA KEADAAN INI TIDAK SEHARUSNYA DIBENARNYA BERTERUSAN, KERANA JIKA IABERTERUSAN, IA HANYA AKAN MENSIA-SIAKAN SEMUA USAHA YANG TELAH DILAKSANAKAN BERSAMA UNTUK MENYATU DAN MEMPERKUKUKKAN PERHUBUNGAN ANTARA KEDUA BUAH NEGARA.**

**BRITAIN KINI ADALAH SALAH SATU DARI SUMBER PENGALIRAN MASUK PELABURAN MODAL TERBESAR MALAYSIA KE SEKTOR PEMBUATAN TEMPATAN, MENDUDUKI TEMPAT KEDUA SELEPAS SPNGAPURA.**

**TETAPI, KATANYA, BRITAIN MENDUDUKI TEMPAT HEENAM SAHAJA SEBAGAI RAKAN PERDAGANGAN YANG BERJUMLAH KIRA-KIRATIGA PERATUS DARIPADA JUMLAH PERDAGANGAN MALAYSIA DIBANDINGKAN DENGAN HAMPIL LAPAN PERATUS 10 TAHUN LALU.**

**BEGITU JUGA, PENTINGNYA MALAYSIA SEBAGAI RAKAN PERDAGANGAN TELAH MENURUN DALAM BEBERAPA TAHUN INI, DENGAN MALAYSIA MENCATATKAN KURANG DARI 5 PERATUS DARIPADA JUMLAH PERDAGANGAN. BRITAIN DIBANDINGKAN DENGAN 5 PERATUS DALAM DASAWARSA LALU, TAMBAHNYA SEMASA MERASMIKAN PERSATUAN MALAYSSA**

**- BRITISH DI SATU JAMUAN DISINI MALAM INI.**

**+SEMENTARA SAYA GEMBIRA MENGIKHTSRAF SUMBANGAN YANG POSITIF PIHAK KERAJAAN BRITISH DAN JUGAMASYARAKAT PERNLAGAANNYA TERHADAP MEMENUHI ASPIRASI DASAREKONOMI BARU, SAYA MENGAMBIL PERHATIAN DENGAN KESAL BAHAWA TERDAPAT PERUBAHAN YANG AMATSEDIKIT PENYERTAAN MALAYSIA DALAM PASARAN BRITISH UNTUK BEBERAPA TAHUN.**

**+SAYA AMA? MENGAMBIL BERAT TENTANG KEDUDUKAN PERKARA INI, DENGAN MENYEDARI BAHAWA IMBANGAN DAGANGAN DENGAN BRITAIN TIDAK PERNAH MENGUNTUNGGAN KITA, + BELIAU MEMBERITAHU PRESIDEN, MAJLIS ACUNG DAN ANGGOTA-ANGGOTA PERSATUAN MALAYSIA - BRITISH DAN BRITISH - MALAYSIA YANG MENGHADIRI JAMUAN TERSEBUT.**

**DATUK SERI OR. MAHATHIR BERHARAP KEDUA-DUA PERSATUAN AKAN MEMBERIKAN +ISU PENTING INI+ PERTIMBANGAN YANG SEWAJARNYA DI DALAM PERUNDINGAN MEREKA DI MASA HADAPAN KERANA BELIAU PERCAYA BAHAWA LEBIH SEGERA PENYELESAI ANDICARI TERWADAP MASALAH IMBANGAN DAGANGAN ITU, LEBIH SEGERA KEDUA-DUA BUAH NEGARA MENUMPUKAN KEPADA LAIN-LAIN BIDANG KERJASAMA.**

**BEBERAPA MESYUARAT DIADAKAN DISINI SEMALAM ANTARA ANGGOTA-ANGGOTA KEDUA-DUA PERSATUAN DAN MAJLIS-MAJLIS AGUNG DAN LAPANGAN-LAPANGAN KERJASAMA TERMASUK PELUANG-PELUANG PELABURAN, LATIHAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI TELAH DITELITI DAN PROGRAM-PROGRAM DIGARISKAN UNTUK TINDAKAN MASA HADAPAN.**

**PERDANA MENTERI MENGULANGI BAHAWA MALAYSIA MENGALU-ALUKAN MINAT YANG SEMAKIN BESAR BRITAIN TERHADAP MALAYSIA SEPERTI YANG DITUNJUKKAN OLEH BILANGAN LAWATAN-LAWATAN YANG DIBUAT OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN TOKOH-TOKOH BRITISH DALAM SETAHUN YANG BERLALU.**

**BELIAU PERCAYA BAHAWA PERHUBUNGAN-PERHUBUNGAN DAN PERUNDINGAN BERFAEDAH BAGI KERJASAMA DUAHALA UNTUK MASA KINI DAN AKAN DATANG DI SAMPING MENJADI ALAT MENYATUKAN HUBUNGAN RAPAT ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.**

**DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENDAPAT FAEDAH YANG BESAR DARI BANTUAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN BRITISH, TERUTAMA SEKALI DALAM BIDANG TEKNOLOGI DAN KERJASAMA PERINDUSTRIAN.**